



Ayat Suci Minggu ini

Wahyu 11:19; 12:1-6, 10
Mazmur 44:10-12, 16
1 Korintus 15:20-26
Lukas 1:39-56



“Walaupun ramai orang muda gembira melihat sebuah Gereja yang rendah hati namun yakin dengan kurnianya... yang lain menginginkan sebuah Gereja yang lebih banyak mendengar, yang melakukan lebih daripada sekadar mengecam dunia.”

- Paus Fransiskus
(*Christus Vivit*, 41)

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 33/2026

Terdapat seruan berulang untuk komunikasi yang lebih baik, kepercayaan yang lebih mendalam, pengampunan, dan masa berkualiti dalam keluarga. **Golongan muda mengingatkan kita bahawa keluarga dan paroki mesti menjadi tempat yang selamat, jujur, dan memberi kesaksian yang tulen.** Mereka menyedari jurang antara apa yang diajar dan apa yang dihayati, dan mereka meminta bukan sahaja untuk diajar, tetapi juga untuk didengar, ditemani, dan dipercayai. Keprihatinan ini tidak dapat dipisahkan daripada misi Gereja kerana keluarga yang diperbaharui dalam iman menjadi tempat belas kasihan dihayati dan dikongsi dengan masyarakat.

Ajaran Gereja menegaskan keutamaan pastoral ini dengan kuat. Dalam *Amoris Laetitia*, Paus Fransiskus mengingatkan kita bahawa "kesejahteraan keluarga menentukan masa depan dunia dan Gereja" (AL 31). Keluarga ialah tempat iman mula dipupuk, kasih diamalkan, pengampunan dipelajari, dan belas kasihan menjadi nyata. Beliau juga menyeru Gereja untuk menjadi "tanda belas kasihan dan kedekatan" kepada keluarga, khususnya mereka yang menghadapi pergumulan dan ketidaksempurnaan (AL 5). Gereja dipanggil bukan sahaja untuk menjaga keluarga, tetapi juga untuk menemani mereka dengan kesabaran, belas kasihan, dan harapan.

Pembentukan dan pendampingan adalah penting. Keluarga perlu diperkasakan untuk menjadi agen aktif evangelisasi dan katekesis di dalam rumah (AL 200). Hal ini memerlukan imam, religius, katekis, pemimpin awam, dan petugas pastoral yang dibentuk dengan baik, yang dapat menyokong keluarga melalui persediaan perkahwinan, tahun-tahun awal kehidupan keluarga, dan masa-masa kesukaran (AL 202, 211, 217, 242-243). Oleh itu, pelayanan keluarga mesti berterusan, bersifat relasional, dan berakar dalam belas kasihan.

Dalam *Christus Vivit*, Paus Fransiskus mengingatkan kita bahawa golongan muda bukan sahaja masa depan Gereja, tetapi juga "masa kini Gereja" (CV 64). Mereka harus didengar, dipercayai, dan diberi peluang bermakna untuk mengambil bahagian dalam misi Gereja (CV 203). Pelayanan keluarga dan belia tidak boleh dipisahkan. Dengan menemani keluarga melalui iman, pembentukan, dan belas kasihan, Gereja juga menyediakan asas yang kukuh kepada golongan muda untuk bertumbuh sebagai murid dan saksi misionari Kristus.✠

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEWBEC

SANTA PERAWAN MARIA DIANGKAT KE SYURGA | 16 Ogos 2026

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN: MASYARAKAT: Kesatuan Dalam Kepelbagaian

MPC 2026: Keprihatinan Pastoral terhadap Keluarga dan Belia

Perjalanan mendengar menuju MPC 2026 telah membawa keprihatinan terhadap keluarga dan belia ke hadapan. Dalam semua perhimpunan, terdapat seruan yang jelas untuk mengukuhkan keluarga sebagai Gereja domestik, tempat iman dihayati, doa dikongsi, dan Kristus menjadi pusat kehidupan harian. Banyak keluarga merindukan rumah yang berakar dalam Ekaristi, Sabda Allah, dan hubungan yang hidup dengan Yesus.

